

Cabaran Ibu Bapa Dalam Menyokong Pendidikan Anak Autisme Semasa Pandemik COVID-19

Parental Challenges In Supporting Education of Autism Children During The COVID-19 Pandemic

Siti Maryam Abdull Rahman

¹Aizan Sofia Amin

Program Kerja Sosial,
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹aizansofia@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2020 telah memberi impak yang besar kepada sistem pendidikan negara khususnya bagi kanak-kanak Autisme. Pembelajaran dalam talian telah diperkenalkan bagi menggantikan pembelajaran secara fizikal akibat penutupan sekolah di seluruh negara. Keadaan ini telah memberi cabaran yang signifikan kepada ibu bapa anak Autisme untuk menyokong pendidikan anak mereka semasa tempoh pandemik COVID-19. Anak autisme secara umumnya mempunyai rutin yang tertentu dan tidak boleh melakukan perubahan secara mendadak. Oleh itu, pendidikan secara dalam talian menjadikan rutin anak autisme terganggu dan boleh menyebabkan emosi dan tingkah laku mereka menjadi sukar untuk dikawal sehingga memberitekan kepada ibu bapa. Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka cabaran ibu bapa dalam menyokong pendidikan anak autisme semasa pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Dapatan analisis kajian kepustakaan tentang cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa terbahagi kepada dua iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman ibu bapa anak autisme adalah dari segi kemampuan ekonomi sesebuah keluarga, cabaran tahap pendidikan ibu bapa, cabaran dari sikap anak autisme, cabaran dari segi komitmen ibu bapa dan cabaran emosi ibu bapa. Cabaran luaran pula adalah dari segi cabaran komunikasi dua hala ibu bapa dan guru, cabaran capaian internet yang tidak memuaskan dan cabaran dari segi alatan pembelajaran. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa anak autisme mempunyai cabaran yang signifikan dalam menyokong pendidikan anak autisme semasa pandemik COVID-19 dan memerlukan sokongan dari pelbagai pihak untuk mengatasi semua cabaran yang mereka alami dengan berkesan.

Kata kunci: autisme, cabaran, ibu bapa, pendidikan, COVID-19

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic that hit the world in 2020 has significantly impacted the country's education system, especially for Autistic children. Online learning was introduced to replace physical learning due to school closures. This situation presented significant challenges to parents of Autistic children to support their child's education during the COVID-19 pandemic. Children with autism generally have certain routines and cannot make abrupt changes. Thus, online education disrupts the routines of autistic children and can cause their emotions and

behaviours to become challenging to control, thus putting pressure on parents. This study aims to explore the challenges of parents in supporting the education of autistic children during the COVID-19 pandemic. This study uses the literature review method. The findings of the literature review analysis on the challenges parents face are divided into two, namely internal challenges and external challenges. The internal challenges of parents of autistic children are the challenges in financial ability of the family, the level of education of parents, the attitudes of children with autism, parental commitment, and the emotional challenges of parents. At the same time, the external challenges are the challenges of two-way communication between parents and teachers, unsatisfactory internet access, and insufficient learning tools. In conclusion, the study's findings indicate that parents of autistic children have significant challenges in supporting the education of autistic children during the COVID-19 pandemic and need support from various parties to overcome all the challenges they face effectively.

Keywords: *autism, challenge, parental, education, COVID-19*

1. Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan sehingga memberikan impak yang sangat besar kepada sektor pendidikan. Ekoran PKP sektor pendidikan juga terpaksa melalui adaptasi kepada norma baharu iaitu pendidikan secara dalam talian. Penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti menyebabkan sistem pendidikan mengalami perubahan. Perubahan sistem pendidikan dapat dilihat apabila proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka telah bertukar kepada secara dalam talian sepenuhnya semasa tempoh pandemik ini (Verawardina et al. 2020; Aliyyah et al. 2020; Jauhari, Mambela & Zakiah 2020). Institusi pendidikan awam dan swasta mengalami berubah apabila menggunakan pendekatan PdP secara dalam talian atau proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) untuk memastikan silibus pengajaran tidak ditangguhkan serta di sampaikan dengan sebaik mungkin kepada pelajar (Mohamad Idhman 2020).

Institusi Pendidikan Khas lebih terkesan dengan PdP secara dalam talian menyebabkan kesukaran kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dalam mengikuti PdP yang dijalankan oleh pihak tenaga pengajar akibat kekangan yang dihadapi oleh mereka. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU mempunyai tujuh kategori yang berbeza. Kategori di dalam OKU termasuklah kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai. Menurut Buku Data Pendidikan Khas, seramai 93,951 orang pelajar OKU yang telah mendaftar sebagai pelajar berkeperluan khas di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif. Sebanyak 77,205 orang merupakan pelajar OKU pembelajaran yang telah mendaftar dan meningkat dari semasa ke semasa.

Oleh itu, pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir serta terma belajar dari rumah menyebabkan ibu bapa anak autisme terpaksa mengambil peranan sebagai guru untuk memastikan anak-anak mereka menjalani proses pembelajaran dengan lebih teratur. Perkara ini memberi cabaran yang sangat besar kepada ibu bapa dalam menjalani tugas sebagai ibu bapa dan guru pada waktu yang sama kepada anak autisme. Maka, kajian ini dilakukan dengan meneliti cabaran ibu bapa dalam menyokong pendidikan anak autisme semasa pandemik COVID-19.

2. Tinjauan Literatur

Pelaksanaan pendidikan terhadap anak autisme perlulah mempunyai kesabaran yang tinggi kerana anak ini mempunyai pelbagai karenah yang sukar untuk dikawal oleh ibu bapa. Ini mendatangkan cabaran yang sangat besar kepada ibu bapa. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam memberikan pendidikan yang terbaik terhadap anak autisme ini sepanjang pandemik COVID-19 ini. Menurut kajian Azman et al. (2021) menunjukkan komitmen ibu bapa dan keluarga dalam memantau adalah sangat penting dalam meningkatkan pemahaman OKU dalam ilmu yang disampaikan oleh guru mereka. Kekangan yang dihadapi oleh ibu bapa seperti komitmen bekerja, kemahiran internet dan lain-lain menyebabkan ada yang ketinggalan dalam pembelajaran mereka.

Menurut Grahita et al. (2020), ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah menunjukkan kesukaran untuk memastikan pendidikan anak mereka berjalan dengan lancar. Ibu bapa yang kurang mempunyai ilmu keibubapaan menyebabkan mereka sukar untuk memahami karakter anak menyebabkan pembelajaran anak OKU terganggu lalu memberi impak kepada aktiviti pendidikan mereka di rumah semasa pandemik. Ibu bapa yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi juga mengalami kesukaran untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran atas talian. Mereka tidak faham cara penggunaan yang memerlukan aplikasi yang tertentu seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, *Microsoft Teams* dan sebagainya. Ini menyebabkan sesetengah anak autisme tidak dapat meneruskan pembelajaran mereka secara atas talian.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan sahaja. Ini kerana kajian ini diperingkat awal kajian dan aktiviti pengumpulan data di lapangan belum dilakukan. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan beberapa perkhidmatan dalam talian untuk mendapatkan bahan rujukan iaitu melalui laman web Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), UKM, laman web rasmi bahan kajian yang berkaitan tajuk dan juga *Google Scholar*.

Hasil kajian kepustakaan, pengkaji telah menjumpai sorotan literatur yang telah dijalankan oleh kajian-kajian lepas yang mendapati ibu bapa anak autisme mempunyai dua cabaran iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran (Salmihah Che Mud et al. 2021; Bellomo et al 2020; Latzer et al. 2021; Meral 2022; Redenius 2021; Azman et al. 2021; Stankovic et al. 2022; White et al. 2021; Alhuzimi 2021 dan Parenteau et al. 2020). Dua bentuk cabaran ini akan diterangkan secara terperinci dalam bahagian seterusnya.

4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis kajian kepustakaan mendapati, terdapat dua bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menyokong pendidikan anak autisme semasa pandemik COVID-19. Bagi cabaran dalaman, terdapat lima cabaran yang sering dihadapi oleh ibu bapa iaitu kemampuan ekonomi sesebuah keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, sikap anak autisme, komitmen ibu bapa dan emosi ibu bapa. Manakala bagi cabaran luaran, terdapat tiga cabaran yang dilaporkan ibu bapa anak autisme iaitu komunikasi dua hala ibu bapa dan guru, capaian internet yang tidak memuaskan dan alatan pembelajaran yang tidak mencukupi.

Kajian yang dijalankan oleh Salmihah Che Mud et al. 2021, Bellomo et al. 2020, Latzer et al. 2021, Meral 2022, Redenius 2021, Azman et al. 2021, Stankovic et al. 2022, White et al. 2021, Alhuzimi 2021 dan Parenteau et al. 2020 menunjukkan cabaran dalaman dan juga cabaran luaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menyokong pendidikan anak autisme.

4.1 Cabaran Dalaman

Cabaran dalaman terbahagi kepada beberapa sub seperti kemampuan ekonomisesebuah keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, sikap anak autisme, komitmen ibu bapa dan emosi ibu bapa.

Cabaran yang pertama adalah segi kemampuan ekonomi sesebuah keluarga. Kemampuan ekonomi merupakan salah satu halangan kepada ibu bapa untuk menjalankan peranan sebagai ibu bapa di rumah (Bellomo 2020). Ekoran pandemik yang berlaku menyebabkan ibu bapa anak autisme telah mengalami situasi ibu bapa yang tidak dapat bekerja, diberhentikan kerja, pemotongan gaji oleh majikan dan mengurangkan waktu bekerja (Salmihah et al 2021; Bellomo et al 2020; Meral 2020). Anak autisme memerlukan pembelanjaan yang besar berbanding anak-anak yang lain (Becerra et al 2017). Perbelanjaan ini juga meliputi makanan dan pakaian tetapi juga perkara-perkara yang lain. Ini menyebabkan ada sesetengah ibu bapa anak autisme mengambil tindakan mengikat perut masing-masing untuk menjimatkan kos perbelanjaan sepanjang berada di rumah. Ekonomi sesebuah keluarga semakin bertambah bimbang apabila ibu bapa anak autisme tersebut bergaji harian (Salmihah Che Mud et al 2021). Jika pada hari tersebut tidak bekerja maka mereka tidak akan mendapat gaji. Bagi ibu bapa yang boleh bekerja dan berpendapatan tetap tidak terlalu sukar untuk menguruskan kehidupan sekeluarga termasuk anak autisme. Ini menyebabkan tekanan terjadi kepada ibu bapa anak autisme kerana asyik memikirkan cara untuk meneruskan kehidupan.

Cabaran yang seterusnya adalah tahap pendidikan ibu bapa anak autisme. Kajian Latzer et al (2020) menyatakan bahawa sesetengah ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang bahan pembelajaran anak autisme serta tidak mengetahui pendekatan yang bersesuaian untuk menjalankan sesi terapi ataupun aktiviti kerana kekurangan ilmu ekoran penutupan insituti pendidikan dan juga pusat terapi. Selain itu juga, ibu bapa menghadapi kesukaran untuk memantau sesi pembelajaran anak mereka kerana pengetahuan yang terhad dan tidak mahir dalam penggunaan teknologi maklumat (Azman et al 2021). Contohnya penggunaan panggilan video seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, *Microsoft Teams* dan lain-lain.

Cabaran ibu bapa yang ketiga adalah sikap anak autisme. Anak autisme mempunyai sikap dan emosinya yang tersendiri. Anak autisme mempunyai sosio emosinya yang tersendiri. Sosio-emosi anak autisme adalah melibatkan dengan perubahan rutin harian mereka. Perubahan rutin yang mendadak akan menyebabkan anak autisme mengamuk dan tidak dapat mengawal diri mereka (Salmihah Che Mud et al 2021). Anak autisme akan tantrum, mengamuk dan cubaan mencederakan diri sendiri dan orang lain kerana anak autisme tidak dapat mengawal emosi marah, kecewa, sedih dan lain-lain dengan cara baik sehingga anak autisme amat sukar untuk ditangani dengan baik oleh ibu bapanya (Salmihah Che Mud et al 2021: Abdul Ghani 2020). Reaksi ini juga untuk menarik perhatian ibu bapa untuk menunaikan keinginan hati mereka. Ibu bapa juga mengesan bahawa tingkah laku ini semakin teruk apabila berada di rumah dalam tempoh yang lama, meningkatkan stereotaip dan keagresifan

(Stankovic et al. 2022). Ini juga menjadi kesukaran kepada ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak dan mempunyai interaksi sosial kerana tingkah laku luar kawalan ini akan menyebabkan kecederaan kepada anak autisme dan juga persekitarannya.

Cabaran yang keempat adalah komitmen ibu bapa. Komitmen ibu bapa bukan sahaja berada di rumah tetapi komitmen bekerja dan perkara-perkara lain yang menyebabkan mereka mempunyai masa yang terhad untuk memantau sesi pembelajaran anak-anak mereka (Azman et al. 2021). Sesetengah daripada ibu bapa anak autisme bekerja dalam sektor keperluan asas sehingga sukar untuk melakukan penjagaan kepada anak autisme (Bellomo et al. 2020). Kerja yang berlebihan menyebabkan ibu bapa anak autisme terpaksa berkorban masa untuk memerhatikan anak mereka sehingga anak mereka terlepas kelas secara dalam talian (Dhiman et al. 2020). Keadaan ini amat memberika tekanan dan cabaran yang besar kepada ibu bapa yang bekerja.

Cabaran dalaman yang terakhir adalah emosi ibu bapa. Emosi ibu bapa anak autisme juga sangat tercabar dalam menghadapi kesukaran menjaga dan membesarkan anak autisme (Hasting 2002). Kajian White et al. (2021) menunjukkan tekanan dan kesejahteraan emosi ibu bapa anak autisme tanpa mmengira umur, jantina dan simptom anak autisme. Ibu bapa anak autisme berhadapan dengan tekanan emosi seperti lemah semangat, bingung dan sedih (Barrera et al. 2005). Pandemik COVID-19 meningkatkan rasa tidak berdaya dalam diri ibu bapa (Stankovic et al 2022). Sesetengah ibu bapa juga kehilangan kesabaran serta mempunyai konflik dengan anak seperti menggunakan perkataan yang kasar, denda secara fizikal (Bellomo 2020). Keadaan tingkah laku anak autisme yang mudah tantrum memerlukan ibu bapakuat dan sabar dalam menghadapi kerenah mereka. Ibu bapa perlu menjaga dengan baik emosi diri sendiri kerana apabila ibu bapa berjaya mengawal emosi sendiri makamereka akan berjaya juga mengurus emosi anak autisme (Salmihah Che Mud et al 2021). Ibu bapa perlu kreatif untuk meredakan tekanan dan kesejahteraan emosi yang dihadapi oleh mereka.

4.2 Cabaran Luaran

Bagi cabaran luaran pula, terdapat tiga cabaran iaitu komunikasi dua hala ibubapa dan guru, capaian internet yang tidak memuaskan dan alatan pembelajaran yang tidak mencukupi. Cabaran luaran yang pertama adalah komunikasi dua hala ibu bapa dan guru. Anak autisme telah kehilangan interaksi dengan guru mereka (Redenius 2021). Ibu bapa dan guru harus mengekalkan hubungan untuk pencapaian anak mereka (Tremmel et al. 2020). Ibu bapa dan guru pendidikan khas perlu berhubung untuk menilai keperluan sokongan pendidikan yang diperlukan oleh ibu bap untuk menyokong pendidikan anak autisme (Redenius 2021). Intraksi di antara ibu bapa dan guru akan menggalakan ibu bapa untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka. Guru perlu berkomunikasi dengan ibu bapa dengan mengadakan perjumpaan secara dalam talian, mengajar ibu bapa dalam menyokong pendidikan dalam talian anak mereka (Redenius 2021). Ibu bapa dan guru boleh menggunakan aplikasi *WhatsApp*, panggilan telefon dan lain-lain dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti pembelajaran di rumah (Azman et al. 2021). Komunikasi dua hala ini sangat bagus untuk meningkatkan tanggungjawab ibu bapa semasa dalam tempoh ini seterusnya anak akan menunjukkan reaksi yang lebih positif (Petretto et al. 2020).

Cabaran luaran yang kedua adalah capaian internet yang tidak memuaskan. Capaian internet adalah cabaran yang besar kerana ia akan membabitkan keadaan

capaian internet di sesuatu tempat. Anak autisme yang berada di kawasan pedalaman ataupun yang tidak mempunyai capaian internet yang kuat akan mendatangkan impak yang sangat besar dalam pembelajaran mereka (Redenius 2021 & Azman et al. 2021). Capaian internet yang lemah telah mendatangkan kesukaran kepada ibu bapa anak autisme dalam menyediakan tempat pembelajaran (Tokatly et al. 2020).

Cabaran luaran yang terakhir adalah alatan pembelajaran yang tidak mencukupi. Ibu bapa mengalami cabaran untuk kehilangan akses alatan pembelajaran terhadap anak mereka (Stankovic et al. 2022). Anak autisme perlu mempunyai alatan pembelajaran yang lengkap untuk memastikan sistem pendidikan mereka berjalan dengan lancar tetapi pandemik ini menyebabkan anak autisme telah kehilangan akses kepada alatan pembelajaran mereka. Kekurangan dan ketiadaan alatan pembelajaran di rumah menurunkan tahap dan kecekapan dalam pembelajaran anak autisme (Tokatly et al. 2020).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini adalah untuk membincangkan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa anak autisme dalam menyokong pendidikan anak autisme semasa pandemik COVID-19. Hal ini kerana cabaran yang dihadapi ibu bapa anak autisme lebih menuntut kesabaran yang sangat tinggi berbanding penjagaan anak yang tidak menghidap autisme. Oleh itu, masyarakat perlu juga untuk menghormati sentimen ibu bapa anak autisme dan membantu untuk menyebarkan kesedaran mengenai autisme kepada masyarakat luar.

Rujukan

- Ainul Afzan Binti Ramli & Ishak Bin haji Abd Rahman. (2021). Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah Dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(9): 1-13.
- Alhuzimi, T. (2021). Stress and Emotional Wellbeing of Parents Due to Change in Routine for Children with Autism Spectrum Disorder (Asd) at Home During Covid-19 Pandemic in Saudi Arabia. *Res Dev Disabil* 108(103822).
- Alshamri, K. H. (2020). The Challenges of Online Learning for Teachers of Children with Intellectual Disability in the Covid19 Pandemic: Qualitative Method. *Journal of Education* 2(85):
- Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd. Faiz Abd. Shakor & Sukari, A. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (Oku) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5(June 2021): 127-138.
- Bellomo, T. R., Prasad, S., Munzer, T. & Laventhal, N. (2020). The Impact of the Covid-19 Pandemic on Children with Autism Spectrum Disorders. *J Pediatr Rehabil Med* 13(3): 349-354.
- Buchnat, M. & Wojciechowska, A. (2020). Online Education of Students with Mild Intellectual Disability and Autism Spectrum Disorder During the Covid-19 Pandemic. *Interdyscyplinarne Konteksty Pedagogiki Specjalnej* 29: 149-171.
- Busaad, Y. & Alnaim, M. (2021). Parents' Perceptions Regarding the Effects of Covid-19 on Their Children with and without Disabilities. *International Journal*

- of Instruction* 14(4): 997-1012.
- Cahapay, M. B. (2020). How Filipino Parents Home Educate Their Children with Autism During Covid-19 Period. *International Journal of Developmental Disabilities* 1-4.
- Che Mud, S., Md Sham, F. & Mohd Ali, M. (2021). Kaedah Pengawalan Tingkah Laku Bagi Anak Mengalami Autisme. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 6(2): 733-744.
- Couper-Kenney, F. & Riddell, S. 2021. The Impact of Covid-19 on Children with Additional Support Needs and Disabilities in Scotland. *European Journal of Special Needs Education* 36(1): 20-34.
- Itay Tokatly Latzer, Y. L., Orit Karnieli-Miller. (2021). Core Experiences of Parents of Children with Autism During the Covid-19 Pandemic Lockdown. *Autisme* 25(4): 1047-1059.
- Meral, B. F. (2022). Parental Views of Families of Children with Autism Spectrum Disorder and Developmental Disorders During the Covid-19 Pandemic. *J Autism Dev Disord* 52(4): 1712-1724.
- Ndlovu, S. (2020). The Impact of Covid-19 on Students with Disabilities'. *Journal Of Social Development In Africa* 131-166.
- Neece, C., McIntyre, L. L. & Fenning, R. (2020). Examining the Impact of Covid-19 in Ethnically Diverse Families with Young Children with Intellectual and Developmental Disabilities. *J Intellect Disabil Res* 64(10): 739-749.
- Parenteau, C., Bent, S., Hossain, B., Chen, Y., Widjaja, F., Breard, M. & Hendren, R. (2020). The Experience of Parents of Children with Autism Spectrum Disorder During the Covid-19 Pandemic: A Qualitative Analysis.
- Redenius, T. (2021). Serving Students with Special Needs During Covid-19 Pandemic. Northwestern College.
- Stankovic, M., Stojanovic, A., Jelena, S., Stankovic, M., Shih, A. & Stankovic, S. (2022). The Serbian Experience of Challenges of Parenting Children with Autism Spectrum Disorders During the Covid-19 Pandemic and the State of Emergency with Lockdown. *Eur Child Adolesc Psychiatry* 31(4): 693-698.
- Tokatly Latzer I, Leitner Y, Karnieli-Miller O. (2021). Core experiences of parents of children with autism during the COVID-19 pandemic lockdown. *Autism*. 25(4):1047-1059.
- White, S. W., Stoppelbein, L., Scott, H. & Spain, D. (2021). It Took a Pandemic: Perspectives on Impact, Stress, and Telehealth from Caregivers of People with Autism. *Res Dev Disabil* 113(103938).
- Yazcayir, G. & Gurgur, H. (2021). Students with Special Needs in Digital Classrooms During the Covid-19 Pandemic in Turkey. *Pedagogical Research* 6(1).